



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 13 MAC 2025 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	UTUSAN MALAYSIA	MPKS	PATI REDAH SELUT, MENYOROK CELAH KOTAK ELAK DICEKUP
2.	UTUSAN MALAYSIA	MBPJ	TENGKU PERMAISURI SELANGOR BERANGKAT KE PROGRAM SANTUNI BAZAR RAMADAN MBPJ
3.	HARIAN METRO	DBKL	SIAPA DALANG DEDDAH HARI INI
4.	THE STAR	MPKL	COMPOUNTREDUCTION
5.	THE STAR	MPAJ	FOOD WASTE
6.	THE STAR	MBPJ	BAZAAR RELOCATION
7.	THE STAR	MBPJ	USED OIL COLLECTION
8.	THE STAR	DBKL	NEW MARKET SITE
9.	BERITA HARIAN	DBKL	DBKL SITA TIGA PERNIAGAAN DIKENDALIKAN WARGA ASING

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	- ABANDONED JINJANG BUNGALOW CAN BE NADI CENTRE, SAY ACTIVIST - SET BENCHMARK TO SUPPORT WORKING WOMEN - CREATE MORE AWARENESS ON E-WASTE DISPOSAL - SETBACK FOR KL RESIDENTS INCITY PLAN CHALLENGE
2.	KOSMO	4 TAN MINYAK DISELEWENG - CUKUP, HENTIKAN ISU PERKAUMAN – PM - SINDIKET JUAL SIJIL LAHIR BAYI
3.	HARIAN METRO	- POTONG PEKET MASUK TANGKI - RISIKAN SETAHUN!
4.	BERITA HARIAN	5 LANGKAH TINGKAT JUMLAH WANITA SEBAGAI PEMBUAT KEPUTUSAN - ISU JURANG GAJI BERDASARKAN JANTINA BELUM ADA PENYELESAIAN
5.	UTUSAN MALAYSIA	- TANGGUNGJAWAB BERSAMA BINA NEGARA BEBAS RASUAH - RAMADAN UNTUK PENYUCIAN, BUKAN BULAN KONSUMTIF - DOKTOR BERGELAR DATUK SERI ANTARA DITAHAN RASUAH DAFTAR KELAHIRAN - NAIKKAN CARUMAN KSP SEJAJAR DENGAN KENAIKAN GAJI MINIMUM PEKERJA
6.	THE SUN	- SELANGOR WOMEN WORKFORCE PARTICIPATION HITS 70% - EPF REFORMS ENHANCE ECONOMIC COMPETITIVENESS, SAYS MEF
7.	SINAR HARIAN	- RAMADAN : BULAN MELAWAN NAFSU - KDEBWM, 1200 PELAJAR UIAM BERBUKA PUASA ALA MADINAH - KERJASAMA STRATEGIK PERANGI JENAYAH RASUAH - DOKTOR ANTARA 16 DITAHAN SPRM - SPRM TAHAN SYARIKAT DISYAKI UBAH WANG HARAM JUAL KAPAL TANGKI

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara dan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM melancarkan Op Outlander dan Op Birth kelmarin, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Menurutnya, bagi Op Outlander, suspek utama adalah penjawat awam dan dia disyaki melakukan perbuatan itu dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu untuk yang melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai, pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Bagi Op Birth pula, tiga suspek utama disyaki ejen melakukan perbuatan itu dengan menawar dan

Risikan setahun!

HM
13/3

Pengamal perubatan bergelar Datuk Seri antara 16 individu ditahan SPRM disyaki terbabit rasuah pendaftaran kelahiran



PEGAWAI SPRM memeriksa dokumen dalam serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam.

"Ia bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti

surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya pada kenyataan, semalam.

Ahmad Khusairi berkata, sementara itu, enam orang awam yang disyaki meng-

gunakan khidmat ejen terbabit turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

"Turut ditahan seorang pengamal undang-undang

disyaki berperanan sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Kesemua suspek yang berusia 20 hingga 70-an ditahan jam 11 pagi hingga 8 malam semalam (kelma-

rin). Mereka dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, bagi dua suspek termasuk yang bergelar Datuk Seri, mereka dilepaskan dengan jaminan SPRM akibat masalah kesihatan.

"Serbuan yang dilakukan semalam (kelmarin) adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Penangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memastikan usaha memerangi rasuah, khususnya yang membabitkan perkhidmatan awam, demi memastikan aspek keselamatan negara terjamin," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.

"Bagi Op Birth pula, tiga suspek utama disyaki ejen melakukan perbuatan itu dengan menawar dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam"

Timbalan Ketua
Pesuruhjaya (Operasi)
SPRM Datuk Seri
Ahmad Khusairi
Yahaya



MOHD Zuhairi (depan berkaca mata gelap) melihat lokasi serbuan dilakukan pihaknya di Rantau Panjang, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

SINDIKET SELEWENG MINYAK MASAK, LPG TUMPAS

Potong paket masuk tangki

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan cubaan penyelewengan minyak masak paket dan gas petroleum cecair (LPG) bersubsidi termasuk merampas dua lori dianggarkan keseluruhannya bernilai RM200,000 menerusi serbuan di sebuah stor haram di Jalan Syapadu, Rantau Panjang, dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah KPDN Selangor Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan bermula jam 4 petang itu dilaksanakan selepas risikan selama sebulan terhadap kegiatan sindiket penyelewengan terbabit.

"Hasil pemeriksaan awal ke atas lokasi serbuan mendapati premis ini dijadikan stor haram untuk menjalankan aktiviti pemindahan minyak masak bersubsidi dengan memotong bungkusan minyak dan dimasukkan dalam lori tangki sebelum dijual semula kepada pihak industri.

"Pasukan serbuan turut menemui lambakan kotak yang mengandungi minyak masak jenis paket dan lambakan paket plastik yang sudah dipotong. semua minyak masak sebanyak 6,910kg itu dianggarkan bernilai RM18,000"

Mohd Zuhairi

HIM
13/3

"Pasukan serbuan turut menemui lambakan kotak yang mengandungi minyak masak jenis paket dan lambakan paket plastik yang sudah dipotong. Semua minyak masak sebanyak 6,910 kilogram (kg) itu dianggarkan bernilai RM18,000," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam operasi berkenaan, pasukan serbuan turut menemukan aktiviti pemindahan LPG bersubsidi yang digunakan untuk isi rumah dalam tong LPG berkapasiti 50kg bagi kegunaan industri.

"Sebanyak 341 tong LPG disita melibatkan jumlah rampasan dianggarkan sebanyak 2,606kg bernilai RM35,000.

"Nilai rampasan keseluruhan bagi dua barangan bersubsidi berkenaan ser-

ta pelbagai sitaan termasuk empat lori dianggarkan mencecah RM200,000," katanya.

Mohd Zuhairi berkata, dalam serbuan itu, 15 lelaki termasuk 10 warga asing berusia 30-an dipercayai pekerja stor berkenaan ditahan.

Katanya, KPDN percaya stor berkenaan aktif beroperasi sejak setahun lalu dan pihaknya kini giat mengesan dalang yang juga seorang lelaki tempatan untuk tindakan lanjut.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) iaitu memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/FP/UA 2001) (Akta 613)," katanya.

KARTEL BAZAR RAMADAN

Siapa dalang didedah hari ini

PPPBWPKL desak DBKL
tangkap pihak jual tapak lot

Oleh Amir Abd
Hamid
amir_hamid@medi-
aprima.com.my

Kuala Lumpur

Kartel dan dalang di sebalik kegiatan jual beli tapak lot bazar Ramadan di sekitar ibu negara, terdedah hari ini.

Itu janji Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPBWPKL).

Pendedahan itu dibuat di Dewan Perdana Tuan-ku Abdul Rahman Business Centre, Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, jam 3.30 petang.

Minggu lalu, Presiden PPPBWPKL Datuk Seri Rosli Sulaiman dilaporkan berkata, pihaknya melengkapkan bukti kewujudan kegiatan kartel terbabit.

"Yang sebenarnya, isu jual tapak lot bazar ini sedang diperincikan, cuma nak lengkapkan sedikit saja lagi untuk buat hebahan di media."

"Persatuan mendesak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), apabila sudah didedahkan nombor tapak lot ini, DBKL perlu terus tangkap, batal dan sita."

"Jelas apa yang saya nyatakan dalam sidang media beberapa minggu sebelum Ramadan, saya nyatakan ada penjualan tapak lot bazar berlaku," katanya dipetik dalam laporan media 5 Mac lalu.

Kelmarin, turut tular di media sosial, persatuan yang diketuai Rosli, menerjah kawasan siar kaki sebuah kompleks beli-belah di ibu kota yang juga satu daripada lokasi bazar Ramadan.

Antara dapatan beliau,



**"Yang
sebenarnya, isu
jual tapak lot
bazar ini sedang
diperincikan,
cuma nak
lengkapkan
sedikit saja lagi
untuk buat
hebahan di
media"**

Presiden PPPBWPKL,
Rosli Sulaiman

menurut video yang tular itu, ada warga asing turut berniaga di kawasan berkenaan.

Sebelum ini, dilaporkan DBKL membuat laporan polis terhadap pihak dikesan mengambil kesempatan memanipulasikan lesen bazar Ramadan pada tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, kejadian itu agak mengecewakan apabila masih terdapat cubaan penjualan tapak yang dikesan melalui saluran WhatsApp.

"Saya ada nombor telefon individu itu dan tidak teragak-agak mengambil tindakan lebih keras," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, 4 Mac lalu.

HARIAN METRO

Tarikh: 13 MAR 2025.....



PENGUAT kuasa memeriksa sebahagian dokumen yang disyaki digunakan sindiket untuk mengeluarkan sijil kelahiran bayi dalam operasi di Lembah Klang dan Johor kelmarin.

Sindiket jual sijil lahir bayi

KOSMO
13/3 ①

- **Datuk Seri antara 16 ditahan**
- **Rasuah RM18,000 kepada penjawat awam**

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu

termasuk seorang lelaki bergelar Datuk Seri kerana disyaki terlibat kes rasuah membabitkan urusan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Selain itu, rasuah turut melibatkan proses pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, penahanan itu dibuat menerusi

Op Outlander dan Op Birth kelmarin di beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.


Bagi Op Outlander, suspek utama melibatkan seorang penjawat awam yang disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2

KOSMO

Tarikh: 3 MAR 2025

Sindiket jual sijil lahir bayi



ANGGOTA penguat kuasa menahan 16 suspek termasuk seorang doktor bergelar Datuk Seri berhubung kes menjual sijil kelahiran dalam beberapa serbuan di sekitar Lembah Klang dan Johor kelmarin.

DARI MUKA 1 **KOSMO**
13/3/25

"Dipercayai kegiatan itu turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk Op Birth pula, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawarkan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran.

"Ia dengan menggunakan dokumen sokongan seperti surat

pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya.

Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia antara 20 hingga 70-an telah ditahan di antara pukul 11 pagi hingga 8 malam kelmarin dan kesemua dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan.

"Mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok (hari ini) bagi tujuan permohonan reman," katanya.

Katanya, dua suspek termasuk bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas selesai dirakam percakapan.

"Serbuan dilakukan semalam (kelmarin) adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



EJEN yang didalangi oleh tiga individu menawarkan bayaran RM18,000 kepada seorang penjawat awam untuk pendaftaran kelahiran.

KOSMO

13 MAR 2025

Tarikh:

Cukup, hentikan isu perkauman – PM

- Pastikan perpaduan antara kaum terus terpelihara
- Turut nasihat penyampai Radio Era agar bawa mesej perpaduan

Oleh RASDAN AHMAD

KOSMO
13/3

PETALING JAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua kaum di Malaysia menghentikan isu perkauman dan melangkah ke hadapan demi kestabilan negara.

Beliau berkata, langkah itu penting untuk memastikan perpaduan antara kaum terus terpelihara dan harmoni.

"Saya menzahirkan penghargaan kepada pihak yang menghentikan sebarang unsur negatif atau cubaan mengeruhkan lagi keadaan," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi taklimat harian yang disampaikan oleh Setiausaha Akhbar Kanan Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah semalam.



ANWAR melambai tangan kepada tetamu yang hadir pada Majlis Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Pengamal Media di Angkasapuri, Kuala Lumpur kelmarin. – FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

Dalam pada itu, Anwar berkata, semua pihak perlu memahami perubahan akta dan undang-undang yang telah diluluskan bagi mengelakkan kekeliruan berhubung perbezaan hukuman serta kompaun yang dikenakan.

Beliau berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah diminta untuk memperjelaskan perkara tersebut.

"Sebarang tanggapan atau perkongsian maklumat yang tidak tepat mengenai isu ini hanya akan mencetuskan persepsi tidak sihat, sedangkan kita semua dituntut untuk terus menyemai keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat," katanya.

Anwar berkata, beliau telah memberi nasihat kepada penyampai radio slot 3 Pagi Era, iaitu Nabil Ahmad, Azad Jazmin dan Radin yang terpalit dengan isu mempersendakan agama lain agar sentiasa membawa mesej perpaduan dalam tugas mereka ketika bertemu di Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri Bersama Pengamal Media di Angkasapuri, Kuala Lumpur kelmarin.

KOSMO

13 MAR 2025

Tarikh:

4 tan minyak diseleweng

- **KPDN turut tahan 15 suspek termasuk warga Indonesia**
- **Gunting peket dan tuang ke dalam lori tangki untuk dijual**

KOSMO 13/3

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG – Kegiatan licik satu sindiket menyeleweng empat tan minyak masak peket subsidi setiap hari sejak setahun lalu terbongkar apabila markas mereka di Kapar diserbu kelmarin.

Serbuan dilakukan Kement-

rian Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor kira-kira pukul 4 petang dan berjaya merampas sebanyak 6.9 tan minyak masak peket, peralatan pemindahan dan empat buah lori.

Selain itu, turut dirampas 2,606 kilogram (kg) tong gas LPG dengan nilai keseluruhan rampasan mencecah RM200,000.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, semasa serbuan pihaknya turut menahan 15 suspek lelaki termasuk 10 daripadanya adalah warga Indonesia berusia 20 hingga 30an.

Katanya, modus operandi sindiket adalah dengan memper-

oleh minyak masak peket daripada pelbagai pembekal di sekitar Lembah Klang.

"Sindiket kemudiannya mengunting minyak masak itu dan mengisinya dalam lori tangki yang kebiasaannya digunakan bagi pengangkutan minyak diesel.

"Sehari mereka boleh seleweng 4,000 kg atau 4 tan yang kemudiannya dijual di pasaran gelap," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian semalam.

Jelas beliau, pihaknya sedang mengenal pasti rantaian sindiket ini dengan dipercayai dalangnya merupakan warga tempatan untuk pasaran gelap.



MOHD. ZUHAIRI (dua kiri) menunjukkan lambakan plastik minyak masak peket yang telah dipotong di kawasan stor haram di Kapar, Klang semalam.

KOSMO

13 MAR 2025

Tarikh:

Naikkan caruman KWSP sejajar dengan kenaikan gaji minimum pekerja ^{UM}_{13/3} +

PETALING JAYA: Penganalisis ekonomi berpendapat cadangan untuk menaikkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sejajar dengan kenaikan gaji minimum pekerja sekarang.

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Afzanizam Abdul Rashid berkata, cadangan menaikkan caruman KWSP wajar diperhalusi mengambil kira kenaikan gaji minimum, rasionalisasi subsidi dan tarif elektrik oleh kerajaan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Untuk itu beliau menyarankan pihak kerajaan mengadakan sesi libat urus dengan para majikan bagi mendapat gambaran lebih jelas sekiranya kenaikan itu hendak dilaksanakan.

Sementara itu, bekas Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor turut sependapat kenaikan caruman wajar dilaksanakan untuk mencapai anggaran minimum simpanan persaraan ditetapkan KWSP iaitu sekitar RM240,000.

Beliau menyarankan kerajaan mencari mekanisme lain, misalnya memberi pelepasan cukai kepada majikan dan pekerja yang meningkatkan caruman mereka.

"Caruman wajib sekarang sebanyak 11 peratus untuk

pekerja dan 13 peratus untuk majikan dan penetapan ini tidak menghalang majikan dan pekerja untuk mencarum lebih sehingga 20 peratus dengan diberi pelepasan cukai," katanya.

Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad bagaimanapun tidak bersetuju jika dilihat kepada keadaan ekonomi semasa negara.

Katanya, adalah memadai caruman KWSP dikekalkan pada kadar semasa iaitu 11 peratus untuk pekerja dan 13 peratus bagi majikan.

Beliau berpandangan, meskipun landskap ekonomi negara pada landasan yang baik, namun peningkatan caruman menyebabkan baki gaji diterima pekerja berkurangan seterusnya boleh merencatkan kuasa beli pengguna.

Katanya, tambahan caruman oleh majikan juga merencatkan aliran tunai, perancangan dan perbelanjaan syarikat terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan multinasional yang bakal memberi kesan kepada penawaran perkhidmatan.

"Hakikatnya, terdapat majikan yang telah pun mencarum melebihi kadar minimum untuk menarik perhatian para pekerja kekal bekerja dengan mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Doktor bergelar Datuk Seri antara ditahan rasuah daftar kelahiran

UM
13/3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Seramai 16 individu termasuk seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terlibat rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara kepada warganegara.

Ini termasuk mendaftarkan kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, penahanan itu susulan *Op Out-*

lander dan *Op Birth* yang dilaksanakan semalam membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik dan firma guaman sekitar Lembah Klang dan Johor.

Katanya, bagi *Op Outlander*, suspek utama merupakan penjawat awam disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan pendaftaran lewat kelahiran iaitu melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai kegiatan itu turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin berperanan mengeluarkan do-

kumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk *Op Birth* pula, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawar dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran.

"Ia dengan menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya semalam.

Sementara itu, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemo-

hon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Turut ditahan seorang pengamal undang-undang disyaki sebagai orang tengah di antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia antara 20 hingga 70-an telah ditahan antara pukul 11 pagi hingga 8 malam dan kesemua dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan.

"Mereka akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor esok bagi tujuan permohonan reman," katanya.

Menurutnya, dua suspek termasuk bergelar Datuk Seri yang mempunyai masalah kesihatan dilepaskan dengan jaminan

SPRM apabila selesai dirakam percakapan.

"Serbuan dilakukan semalam adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)," katanya.

Ahmad Khusairi berkata, penangkapan ini mencerminkan komitmen teguh SPRM dalam memastikan usaha memerangi rasuah khususnya yang melibatkan perkhidmatan awam demi memastikan aspek keselamatan negara terjamin.

Kata beliau lagi, kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



Ramadan untuk penyucian, bukan bulan konsumtif

UM
313

RAMADAN adalah bulan penuh keberkatan dan kemuliaan, yang mana umat Islam bertumba-tumba memperbanyakkan ibadah, mendidik diri dengan kesederhanaan dan meningkatkan kepedulian sosial.

Namun, satu ironi berulang saban tahun apabila sebahagian masyarakat Islam di Malaysia terbuai oleh hawa nafsu ketika membeli juadah berbuka puasa di bazar Ramadan dan terlupa nilai kesederhanaan yang dianjurkan agama. Akhirnya, keterujaan memilih hidangan membawa kepada pembaziran.

Pada tahun lalu sahaja, dianggarkan hampir 90,000 tan makanan terbuang sepanjang Ramadan. Selain daripada itu, satu laporan mendedahkan peniaga bazar di Selangor membuang sekitar 1,326.06 tan makanan yang tidak terjual dalam tempoh 18 hari sepanjang umat Islam berpuasa.

Selain itu, menjelang malam-malam terakhir Ramadan, tumpuan sebahagian besar masyarakat lebih kepada persiapan Syawal dan boros dalam berbelanja. Sedangkan, waktu tersebut sepatutnya dimanfaatkan untuk bermunajat kepada Allah.

Di Malaysia, fenomena ini sudah menjadi satu kebiasaan. Pusat membeli-belah menjadi tumpuan dan dipenuhi lautan manusia. Masing-masing sibuk membeli pakaian, langsir, perabot serta pelbagai keperluan raya seolah-olah Aidilfitri tidak lengkap tanpa barangan yang baharu. Kuih raya pula dibeli atau dibuat dalam kuantiti yang banyak, seumpama perayaan ini pesta makan tanpa had.

Lebih membimbangkan, budaya ini mendorong segelintir individu untuk berhutang demi memastikan sambutan hari raya mereka kelihatan sempurna di mata ahli keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai.

Kedua bertambah buruk lagi dengan kemudahan 'beli dulu, bayar kemudian' yang ditawarkan pelbagai platform membeli-belah digital. Kegilaan berbelanja ini terus didorong tanpa mengambil kira kesan jangka panjang terhadap kelestarian kewangan peribadi.



BERBELANJALAH dengan berhemat supaya tidak berlaku pembaziran dan bertentangan dengan hikmah sebenar Ramadan.

Gaya hidup ini menjadi cerminan yang kita semakin jauh tersasar dari objektif atau maqasid syariah dan roh Ramadan, bulan muhasabah serta penyucian diri. Ia digantikan dengan pesta konsumerisme yang tiada penghujung.

HAYATI MAKNA SEBENAR RAMADAN

Ramadan bukan sekadar bulan menahan lapar serta dahaga, tetapi merupakan madrasah spiritual dan sosial yang mendidik, membentuk disiplin serta kepedulian terhadap golongan yang kurang bernasib baik.

Nilai ini selari dengan konsep maqasid syariah, yang menitikberatkan pemeliharaan kehidupan (*hifz al-nafs*) dan pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) secara berhemah.

Namun, apabila tumpuan lebih terarah kepada kemegahan Syawal dengan berbelanja secara berlebihan, tanpa disedari, kita sebenarnya mengkhakis hikmah sebenar Ramadan.

Budaya konsumerisme dan pembaziran dalam persiapan raya juga menggambarkan kelalaian terhadap tanggungjawab sosial kepada golongan yang memerlukan.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra', ayat 27: "Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara sayitan, dan sayitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya."

Ayat ini jelas menegaskan pembaziran bukan sahaja ditegah oleh agama, malah boleh membawa kebinasaan. Lebih parah lagi, apabila kita ghairah berbelanja demi memuaskan nafsu dan mengabaikan hak golongan miskin serta asnaf. Tindakan ini mengakibatkan prinsip keadilan sosial dan ihsan dikhianati.

KEWANGAN SOSIAL ISLAM

Kewangan sosial Islam mampu menjadi penyelesaian dalam membendung budaya konsumerisme.

Pertama, kewangan sosial Islam mendorong masyarakat untuk mengutamakan infak dan sedekah. Jika kita mampu berbelanja ratusan atau ribuan ringgit untuk baju dan kuih raya, kita juga mampu untuk memperuntukkan sejumlah yang sama bagi membantu fakir miskin, anak yatim dan ibu tunggal.

Bersedekah bukan sekadar membersihkan harta tetapi juga berupaya menyucikan jiwa, seiring dengan konsep maqasid syariah yang mana kita dituntut untuk memelihara kesejahteraan masyarakat secara kolektif.

Kedua, masyarakat dapat memanfaatkan kemudahan kewangan sosial Islam dalam menunaikan kewajipan berzakat secara lebih efektif.

Zakat fitrah diwajibkan sebagai simbol penyucian diri dan solidariti sosial. Ia memastikan golongan

memerlukan turut merasai nikmat meraikan Aidilfitri. Namun, kewajipan ini tidak terhenti di sini. Islam juga menuntut kita menyalurkan zakat harta kepada asnaf, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pengagihan kekayaan yang adil.

Dalam hal ini, institusi perbankan Islam boleh memainkan peranan penting dengan menyediakan platform yang lebih sistematik lagi mudah diakses bagi urusan pembayaran dan pengagihan zakat, wakaf serta sedekah. Melalui kerjasama dengan majlis agama negeri, pusat zakat dan badan kebajikan, institusi perbankan Islam mampu berfungsi sebagai perantara dalam memastikan setiap sumbangan kepada golongan sasaran dapat diagihkan dengan lebih berkesan.

Ketiga, kewangan sosial Islam berupaya menyemai sikap bersederhana (*wasatiyyah*) dalam berbelanja.

Salah satu cara untuk mengawal keinginan berbelanja secara impulsif ialah dengan menggunakan konsep 'tambah ke troli'. Pengguna berpeluang menyimpan barang yang ingin dibeli ke dalam troli maya terlebih dahulu sebelum membuat pembelian. Tindakan ini membolehkan kita mengambil masa untuk berfikir sama ada sesuatu pembelian itu satu keperluan atau sekadar memenuhi

kehendak nafsu sendiri.

Bank-bank Islam boleh memperkenalkan kempen kesedaran kewangan Ramadan bagi membantu pelanggan mengurus perbelanjaan dengan lebih bijak. Kempen ini boleh dilaksanakan melalui platform digital dan aplikasi kewangan Islam yang menggalakkan tabungan sebelum berbelanja seperti 'simpan sekarang, beli kemudian' berbanding pengamalan hutang atau 'beli sekarang, bayar kemudian' yang semakin berleluasa.

Akhir sekali, kewangan sosial Islam mampu mendorong masyarakat membantu peniaga kecil melalui perbelanjaan beretika.

Jika ingin membeli barangan keperluan raya, amatlah digalakkan agar membeli daripada peniaga kecil dan golongan asnaf. Ini memandangkan golongan ini menyara kehidupan melalui hasil jualan perniagaan.

Kebanyakan daripada mereka adalah ibu tunggal serta keluarga yang berpendapatan rendah, mengambil peluang di bulan Ramadan untuk menjana pendapatan tambahan melalui perniagaan secara kecil-kecilan.

Menyemai sikap 'membeli sambil menderma' bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi golongan ini, tetapi juga dapat melaksanakan prinsip *ta'awun* (tolong-menolong).

Institusi kewangan Islam boleh memperkukuh peranan ini dengan menyediakan pembiayaan Islam mikro kepada usahawan kecil, terutama golongan asnaf dan ibu tunggal. Inisiatif ini berupaya membantu mereka mengembangkan perniagaan masing-masing tanpa terjerat dengan bebanan hutang.

Ayuh jadikan Ramadan dan Syawal kali ini sebagai satu peluang untuk memperbaiki amalan kewangan, mengamalkan kesederhanaan dan memperkukuh kesejahteraan sosial melalui instrumen kewangan sosial Islam yang selari dengan prinsip keadilan serta kebersamaan.

DR. Syarah Syahira Mohd. Yusoff ialah adalah Penolong Profesor di Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IIIBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



JAIS ABDUL KARIM

RASUAH adalah barah yang telah lama mencengkam sistem pentadbiran dan kehidupan sosial di Malaysia. Sejak sekian lama, pelbagai usaha dilakukan untuk membanteras gejala ini, namun cabaran yang dihadapi masih besar.

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berperanan aktif dalam membanteras rasuah, melihat keperluan untuk perubahan yang lebih holistik dan berkesan dalam memastikan negara bebas daripada budaya korupsi.

KES RASUAH BERPROFIL TINGGI: ANTARA KETELUSAN DAN PERSEPSI POLITIK

Kebelakangan ini, kita menyaksikan beberapa pendedahan kes rasuah berprofil tinggi yang melibatkan pemimpin utama negara. Terbaru, siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkaitan dakwaan pengubahan wang haram menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan rakyat.

MCW menyambut baik sebarang usaha untuk membawa individu yang terbukti bersalah ke muka pengadilan, tetapi dalam masa sama, kami menekankan keperluan untuk memastikan proses siasatan dan pendakwaan berjalan secara adil dan telus tanpa dipengaruhi sebarang agenda politik.

Dalam banyak kes rasuah, kita melihat strategi yang mana pemberi rasuah dijadikan saksi utama dalam kes terhadap penerima rasuah, yang sering kali

Tanggungjawab bersama bina negara bebas rasuah

UM
13/3

merupakan individu berjawatan tinggi dan memiliki kuasa besar.

Strategi ini bukanlah sesuatu yang baharu dan telah digunakan secara meluas dalam sistem perundangan banyak negara. Namun, MCW berpandangan pendekatan sebegini perlu diteliti semula agar tidak wujud persepsi pemberi rasuah bebas daripada tindakan undang-undang.

CABARAN MEMERANGI RASUAH

Malaysia menghadapi cabaran besar dalam membanteras rasuah kerana masalah ini telah berakar umbi dalam sistem pentadbiran, perniagaan dan politik. Antara cabaran utama yang perlu ditangani termasuk:

- Ketidakstabilan politik:

Ia sering kali membuka ruang kepada amalan rasuah, terutamanya apabila pemimpin politik menggunakan sumber negara untuk mengekalkan kuasa mereka.

- Ketidakte-lusan dalam pendanaan politik:

Tanpa kawal selia yang ketat, pendanaan politik boleh menjadi lubang rasuah.



Kami menekankan keperluan untuk memastikan proses siasatan dan pendakwaan berjalan secara adil dan telus tanpa dipengaruhi sebarang agenda politik."

membolehkan individu atau syarikat membeli pengaruh politik demi kepentingan mereka sendiri.

- Kurangnya keberanian pemberi maklumat (whistleblower):

Ramai individu yang mengetahui tentang aktiviti rasuah tetapi takut untuk melaporkan kerana ancaman dan tekanan daripada pihak berkepentingan.

- Kelemahan institusi penguatkuasaan:

Walaupun SPRM berperanan sebagai badan utama dalam memerangi rasuah, cabaran dari segi autonomi, sumber kewangan dan kebebasan bertindak masih menjadi isu yang perlu ditangani.

REFORMASI INSTITUSI

Bagi memastikan usaha membanteras rasuah benar-benar berkesan, MCW menyeru agar beberapa langkah reformasi institusi dilaksanakan dengan segera:

- Pelaksanaan Akta Pendanaan Politik:

Akta ini perlu diwujudkan segera untuk

memastikan ketelusan dalam penerimaan dan perbelanjaan dana politik bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

- Peningkatan perlindungan pemberi maklumat:

Pihak berkuasa perlu memperkukuh perlindungan kepada pemberi maklumat agar lebih ramai berani tampil ke hadapan tanpa rasa takut.

- Penguatkuasaan SPRM sebagai badan bebas:

SPRM harus diberikan kuasa sepenuhnya untuk bertindak tanpa campur tangan politik, termasuk dalam hal pemilihan ketua pesuruhjaya yang lebih bebas daripada pengaruh eksekutif.

- Pendidikan integriti secara menyeluruh: Rasuah tidak boleh dibanteras hanya melalui penguatkuasaan undang-undang. Pendidikan tentang nilai integriti perlu diterapkan sejak di bangku sekolah agar generasi baharu lebih memahami kepentingan amanah dan ketelusan.

PERANAN RAKYAT

Usaha membanteras rasuah bukan hanya terletak di bahu SPRM atau kerajaan semata-mata. Rakyat juga mempunyai peranan penting dalam memastikan negara bebas daripada rasuah. Antara langkah yang boleh diambil oleh masyarakat termasuk:

- Menolak pemimpin korup:

Rakyat perlu lebih peka dalam memilih pemimpin yang berintegriti dan tidak terpalit dengan skandal rasuah.

- Melaporkan kes rasuah:

Masyarakat harus berani melaporkan sebarang aktiviti

rasuah kepada pihak berkuasa agar tindakan dapat diambil.

- Menyokong inisiatif antirasuah:

Sokongan terhadap NGO seperti MCW yang berusaha membanteras rasuah amat penting dalam memastikan gerakan ini terus hidup dan berkesan.

- Mendidik generasi muda:

Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak tentang bahaya rasuah serta kepentingan integriti dalam kehidupan seharian.

Malaysia memerlukan komitmen penuh daripada semua pihak untuk membanteras rasuah secara menyeluruh. MCW percaya bahawa dengan pelaksanaan reformasi institusi yang lebih kukuh, pendidikan integriti yang lebih meluas, serta penglibatan aktif rakyat dalam menolak rasuah, kita mampu mencapai matlamat menjadikan negara ini lebih bersih dan berdaya saing.

Sebagai sebuah NGO yang komited dalam usaha membanteras rasuah, MCW akan terus menjadi pemantau, pengkritik dan penyokong kepada setiap usaha yang dilakukan ke arah membina Malaysia yang lebih berintegriti. Rakyat Malaysia harus sedar bahawa rasuah bukan sekadar jenayah kewangan tetapi juga pengkhianatan terhadap kepercayaan dan amanah yang diberikan.

Oleh itu, usaha membanteras rasuah mesti diteruskan tanpa kompromi demi kesejahteraan generasi akan datang.

PENULIS ialah Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW).



RAKYAT mempunyai peranan penting dalam memastikan negara bebas daripada rasuah.

Tengku Permaisuri Selangor berangkat ke Program Santuni Bazar Ramadan MBPJ

UM
13/3

SEMPENA bulan Ramadhan Al-Mubarak, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin telah berkenan mencemar duli berangkat ke Program Santuni Bazar Ramadhan 'Bahagia dan Lestari' anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya, kelmarin.


Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan menyampaikan Bakul Bahagiarnya Ramadhan @ PJ 2025 kepada 30 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan fakir miskin.

Mengiringi baginda, Yang Dipertua PEKAWANIS, Datin Seri Masdiana Muhamad; Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey.

Program itu merupakan antara inisiatif MBPJ dalam memastikan pengedaran bazar Ramadan yang lebih kondusif, selesa dan letari. Bagi tahun 2025, MBPJ menawarkan sebanyak 1,260 petak perniagaan di 18 buah lokasi bazar dengan 1,108 peniaga telah mendaftar, hampir 88 peratus penyertaan daripada jumlah keseluruhan.

Bagi memastikan kelancaran operasi bazar Ramadan, hampir 100 petugas MBPJ akan ditugaskan untuk melakukan pemantauan terhadap aspek kebersihan, keselamatan dan pematuhan garis panduan yang telah ditetapkan.

■ TENGKU Permaisuri Hajah Norashikin berkenan meninjau bazar Ramadan SS 6/1 Kelana Jaya anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 13 MAR 2025

PATI redah selut, menyorok celah kotak elak dicekup VM 12/2

KUALA SELANGOR: Bersembunyi di celah kotak, memanjat pagar dan meredah tanah selut. Itu cubaan pekerja warga asing mengelak dicekup pihak berkuasa yang menggempur sebuah kilang kitar semula sisa elektronik haram (e-waste) dekat Jalan Klang-Kuala Selangor di sini, semalam.

Bagaimanapun, usaha mereka untuk meloloskan diri gagal apabila kawasan premis tersebut dikepung pasukan penguatkuasa bermula kira-kira pukul 9 pagi yang disertai oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dengan kerjasama polis, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor).

Hasil operasi bersepadu lebih enam jam itu, seramai 78 warga asing termasuk 20 wanita ditahan.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPKS, Mohamad Lutfi Mislah Hudin berkata, serbuan hasil aduan dan maklumat mengenai aktiviti operasi kilang tanpa lesen berkenaan.

Menurutnya, semakin mendapati premis yang beroperasi lebih setahun itu pernah dikenakan tindakan penguatkuasaan dua kali sebelum ini.

"Justeru, kita mengeluarkan kompaun atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen, gagal menyelenggara premis dalam keadaan bersih dan notis berhenti operasi serta merta," katanya.



ANTARA pekerja warga asing yang ditahan di kilang kitar semula sisa elektronik haram di Jalan Klang-Kuala Selangor, di Kuala Selangor, Selangor, semalam.

SPRM tahan pengarah syarikat disyaki ubah wang haram jual kapal tangki

SH 13/3

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah syarikat bergelar 'Datuk' selepas disyaki terbabit dalam kegiatan pengubahan wang haram hasil daripada urusan jual beli sebuah kapal tangki.

Menurut sumber, lelaki berusia 50-an itu ditahan kira-kira jam 4.30 petang, Selasa ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor.

"Lelaki terbabit dipercayai menerima, memindah serta menggunakan hasil haram melibatkan urusan jual beli sebuah kapal tangki menerusi perjanjian jual beli yang ditandatangani dengan sebuah syarikat lain sekitar November 2021.

"Suspek dipercayai terbabit kegiatan pengubahan wang haram berkenaan antara tahun 2021 hingga 2022," katanya.

Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, Norhaizam Muhammad mengesahkan tangkapan terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Menurut sumber, Majistret Noorfazlin Hamdan membenarkan lelaki itu direman empat hari hingga 15 Mac ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Johor Bahru, pagi Rabu.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 MAR 2025

Doktor antara 16 ditahan SPRM

ANTARA KES
PALSUKAN
SURAT BERANAK



Terbabit rasuah daftar kelahiran warga asing sebagai warganegara

Oleh HISHAMUDDIN AYUB
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 16 individu kerana disyaki terlibat rasuah membabitkan pendaftaran lewat kelahiran bertaraf bukan warganegara tetapi ditukar menjadi warganegara, serta pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan palsu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM telah melancarkan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa, membabitkan serbuan ke atas beberapa premis termasuk klinik serta firma guaman di sekitar Lembah Klang dan Johor.

Bagi Op Outlander, beliau berkata, suspek utama merupakan penjawat awam disyaki melakukan perbuatan tersebut dengan membantu permohonan sebagai pendaftaran lewat kelahiran iaitu kes yang



Dua pegawai SPRM bertanya sesuatu kepada seorang petugas di sebuah klinik dalam serbuan di Lembah Klang dan Johor menerusi serbuan Op Outlander dan Op Birth pada Selasa.



melebihi tempoh 60 hari selepas kelahiran.

"Dipercayai kegiatan ini turut didalangi oleh seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang memiliki beberapa buah klinik dan pusat bersalin yang berperanan mengeluarkan dokumen pengesahan kelahiran palsu.

"Untuk Op Birth, tiga suspek utama disyaki sebagai ejen melakukan perbuatan tersebut dengan menawarkan dan memberikan rasuah kira-kira RM18,000 kepada seorang penjawat awam bagi membantu permohonan pendaftaran kelahiran menggunakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan kelahiran hospital yang didapati palsu," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sementara itu menurutnya, enam orang awam disyaki menggunakan khidmat ejen berkenaan turut ditahan kerana menjadi pemohon yang mengemukakan permohonan daftar kelahiran.

Tambahnya, seorang pengamal undang-undang turut ditahan kerana disyaki bertindak sebagai orang tengah



AHMAD KHUSAIRI

antara ejen dan pemohon.

"Seramai 16 suspek berusia lingkungan 20 hingga 70-an telah ditahan antara jam 11 pagi hingga 8 malam pada Selasa.

"Kesemua yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat SPRM dan SPRM Selangor bagi membantu siasatan," ujarnya.

Kata beliau, empat lagi suspek melibatkan seorang pengamal perubatan bergelar Datuk Seri yang turut ditahan dalam dua operasi berkenaan telah dilepaskan dengan jaminan SPRM atas faktor kesihatan dan selepas keterangan mereka selesai dirakam.

Katahnya, serbuan yang dilakukan pada Selasa adalah berpandukan maklumat hasil risikan kira-kira setahun serta kerjasama dan perkongsian maklumat antara SPRM dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Sementara itu, SPRM berjaya mendapat perintah reman selama empat dan lima hari terhadap 12 suspek, masing-masing dua di Mahkamah Majistret Putrajaya dan 10 individu lagi di Mahkamah Majistret Shah Alam. Kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan 17(b) Akta SPRM 2009.



Antara dokumen yang diteliti pegawai SPRM. Foto: SPRM

6 FEBRUARI 2025

Seorang warga asing, Bernad Arasad, 48, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam atas lima pertuduhan memberi maklumat palsu ketika memohon sijil lahir dan kad pengenalan empat anaknya sejak 2005. Empat anaknya itu ialah Puteri Aisyah, Muhammad Saifullah, Puteri Aliya dan Muhammad Imam Mahadi.

27 JANUARI 2025

Seorang peniaga warga Indonesia ditahan di Kuantan, Pahang kerana dipercayai memiliki sijil lahir palsu yang dibeli pada harga RM8,000 daripada ejen dan kad pengenalan bertaraf warganegara Malaysia yang mengandungi butiran palsu.

3 SEPTEMBER 2024

Seorang pengusaha ikan masin di Tawau, Sabah dipenjarakan empat tahun atas dua pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi permohonan kad pengenalan dua kanak-kanak warga asing pada 2011 dan 2012. Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa mengemukakan maklumat palsu ketika mendaftarkan kad pengenalan kali pertama dua kanak-kanak yang kedua-duanya bukan anak kandung tertuduh sehingga mereka mendapat segala kemudahan dan kelebihan sebagai warganegara Malaysia.

7 JUN 2023

Satu sindiket kegiatan menjual kewarganegaraan Malaysia dikesan menawarkan 'paket' menjual bayi tidak sah taraf atau bayi pendatang asing kepada warga tempatan lengkap dengan sijil kelahiran dan MyKad sah dikeluarkan JPN pada harga serendah RM3,000.

18 MEI 2022

Seorang pekerja kontrak didenda RM3,000 selepas didapati bersalah membenarkan maklumat kelahiran palsu menggunakan pasport Indonesia isterinya untuk seorang bayi perempuan yang dilahirkan seorang wanita pendatang asing tanpa izin dari negara sama di Ipoh, Perak.

20 APRIL 2021

JPN kesan 200 pendaftaran kelahiran palsu, didalangi seorang doktor di Putrajaya dan ejen sindiket di Melaka. Menurut JPN, modus operandi aktiviti sindiket ini adalah dengan menawarkan anak angkat kepada pasangan yang tiada anak dan didaftarkan sebagai anak kandung.

SINAR HARIAN

Tarikh: 13 MAR 2025

IIM bersama
Rasuah Busters dan
Sinar Harian saling
bertukar fikiran

54
1313

Kerjasama strategik perangi jenayah rasuah

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Institut Integriti Malaysia (IIM) menjalinkan kerjasama strategik bersama Rasuah Busters dan akhbar Sinar Harian dalam usaha memerangi jenayah rasuah secara menyeluruh serta berterusan setelah mengadakan kunjungan hormat ke Kompleks Kumpulan Karangkrak di sini pada Rabu.

Ahli Lembaga Pengarah IIM, Datuk Seri Mustafar Ali berkata, kunjungan kali ini adalah untuk berbincang, bertukar fikiran dan paling penting melaksanakan setiap agenda yang cuba, sedang serta akan diusahakan.

Menurutnya, perkara paling penting mengenai agenda membanteras dan membasmi rasuah sudah tentu merupakan satu kesatuan kolektif yang bersepadu dan secara holistik.

"Pada kita kesempatan berjumpa dengan Rasuah Busters

tentunya untuk bincang secara terbuka melaksanakan apa juga inisiatif yang ada. Lebih penting pelan tindakan itu bersifat jangka masa panjang.

"Betul ada jangka masa pendek dan sederhana tapi paling penting usaha masa panjang. Nak dilaksanakan kena ada satu kesempatan untuk kita bermula dengan pertemuan perancangan dan seterusnya mengambil tindakan.

"Dalam masa sama, objektif khusus dalam pertemuan hari ini mengenai persidangan peringkat antarabangsa melibatkan institusi penting dalam negara Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) yang akan diadakan pada 29 April 2024," ujarnya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Mustafar, akhbar *Sinar Harian* akan jadi rakan media untuk membuat liputan mengenai persidangan tersebut.



Penasihat Kumpulan Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Mustafar.

Jelasnya, persetujuan kerjasama daripada *Sinar Harian* itu sangat dihargai dan sudah tentu menunjukkan satu tindakan se-

fahaman serta keterbukaan kedua-dua pihak.

"*Sinar Harian* setuju bersama jadi rakan media dan saya ucap

terima kasih. Kita tidak pernah putus harapan dalam membasmi rasuah namun perlu bermula dengan niat yang baik, kejujuran dan kepercayaan dan akhirnya pelaksanaan.

"Dalam masa sama perlu ada elemen pengawasan dan pemantauan. Kita harap program 'Southeast Asia Anti-Corruption Conference: Recalling Jakarta Statement' akan berjalan dengan baik," ujarnya.

Beliau turut mengharapkan persidangan tersebut bukan kerjasama terakhir antara kedua-dua pihak.

"Pasti bukan kali terakhir, program perlu jangka masa panjang dan kesepakatan daripada pelbagai pihak seperti NGO dan sebagainya.

"Mesti dan perlu dilaksanakan banyak lagi program mengenai banteras rasuah," kata beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh: 1.3.MAR.2025.....

Semai nilai kesederhanaan, keprihatinan dan kesedaran pengurusan sisa pepejal

KDEBWM, 1,200 pelajar UIAM berbuka puasa ala Madinah

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
GOMBAK



Ramli (kiri) dan Mohamad Fauzan (kanan) bersama-sama penuntut semasa jaulah iftar Pelajar UIAM di Gombak pada Selasa.



Enam mahasiswa UIAM menunjukkan beg cenderahati daripada KDEBWM sempena program jaulah iftar Pelajar.

Seramai 1,200 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merasai pengalaman berbuka puasa ala Madinah anjuran KDEB Waste Management (KDEBWM) di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, di Gombak pada Selasa.

Pengarah Urusannya, Datuk Ramli Mohd Tahir berkata, program itu bertujuan menyemai nilai kesederhanaan, keprihatinan terhadap golongan kurang mampu dan kesedaran tentang pengurusan sisa pepejal bertanggungjawab.

"Bulan Ramadan terlalu singkat, jadi kita perlu memanfaatkan peluang untuk berkongsi rezeki.

"Jangan bazir makanan, kawal nafsu dan ingat mereka yang memerlukan," katanya ketika ditemui pada Jaulah Iftar Pelajar UIAM di Gombak pada Selasa.

Menurut Ramli, pemilihan UIAM sebagai lokasi program itu kerana keistimewaan penuntut universiti berasal dari pelbagai negara yang menyumbang

pengajian peringkat ijazah hingga ijazah doktor falsafah.

"Ini platform terbaik kepada kita untuk menunjukkan komitmen kerajaan negeri melalui KDEBWM dalam memupuk perpaduan dan kebersihan dalam Islam," ujarnya.

Beliau memberitahu, penganjuran kali pertama itu bakal diteruskan dengan program lain seperti agihan tong sampah percuma dan kempen kesedaran sisa pepejal.

Beliau menegaskan, pihaknya kini giat menggunakan media sosial untuk mendidik generasi muda tentang pentingnya menjaga kebersihan.

"Sampah bukanlah kotor jika diurus dengan betul kerana Islam sendiri menitikberatkan kebersihan. Kita perlu menjaga kebersihan untuk menjalani kehidupan yang sihat," ujar beliau.

Ramli menjelaskan, sepanjang Ramadan juga, KDEBWM telah mengagihkan kira-kira 500 tong sampah percuma di sekolah, pejabat kerajaan dan komuniti di negeri ini.

"KDEBWM menerima banyak permintaan tetapi kami mengutamakan lokasi yang benar-benar memerlukan," ujar beliau.

Didik pelajar menjaga kebersihan

Sementara itu, Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti UIAM, Profesor Datuk Dr

Mohamad Fauzan Noordin pula menyifatkan program iftar ala Madinah anjuran KDEBWM sebagai langkah konkrit membina masyarakat madani berteraskan nilai kebersihan, ihsan dan keprihatinan.

Beliau menjelaskan, program seumpama itu selari dengan enam tonggak konsep Malaysia Madani yang diperjuangkan kerajaan.

"Kita galakkan pelajar menjaga kebersihan kampus dan prihatin nasib golongan susah dan inilah nilai ihsan (kasih sayang) serta kemampunan yang diajar Rasulullah SAW.

"Mahasiswa dan mahasiswi ini bakal memimpin masa depan negara dan syarikat korporat lain juga seharusnya turut sama menganjurkan program seperti ini bagi memberi motivasi dan bantuan sekali gus menjadi bukti komitmen membina tamadun madani bersama," tegasnya.

Mohamad Fauzan menjelaskan, logo Madani yang tertera 'sampaikan salam' harus dijadikan panduan hidup dan ia bukan sekadar simbol semata-mata.

"Rasulullah SAW membuktikan Madani boleh jadi realiti apabila baginda menyatukan masyarakat Madinah dengan tiga tindakan mudah iaitu dengan sampaikan salam, beri makan orang susah dan jaga kebersihan.

"Mahasiswa UIAM perlu jadi pelopor nilai ini dengan ucapkan salam kepada rakan berlainan bangsa, jangan bazir makanan dan asingkan sampah. Itu sahaja pun dah madani," ujar beliau.

Didik kepentingan pengurusan sisa pepejal

Presiden Persatuan Pelajar Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Islam UIAM, Nur Qistina Md Ali menyuarakan harapan agar kerjasama KDEBWM diperluaskan bagi meningkatkan kesedaran pengurusan sisa dan menyokong kebajikan penuntut universiti itu.

Jelas beliau, inisiatif seperti itu penting untuk membentuk budaya



NUR QISTINA



ISKANDAR

pengurusan sisa yang lebih baik pada masa depan.

"Pengurusan sisa bukan tanggungjawab pihak pengurusan sahaja, sebaliknya ia perlu dimulakan dengan langkah kecil seperti mengasingkan sampah di asrama atau mengurangkan penggunaan plastik.

"Kami berharap KDEBWM menjadi perintis kepada banyak kerjasama yang memberi impak jangka panjang, baik dari segi kebajikan mahu pun kelestarian alam," katanya.

Seorang penuntut, Muhammad Iskandar Mohd Badree, 22, berkata, program berbuka puasa anjuran KDEBWM bersama UIAM bukan sekadar aktiviti sosial, tetapi platform untuk mereka lebih memahami kepentingan pengurusan sisa pepejal.

"Sebelum ini, saya dan rakan kurang memahami mengenai fungsi sebenar KDEBWM yang menguruskan sisa pepejal di negeri ini.

"Kami hanya nampak mereka mengutip sampah, tetapi tidak faham proses sebenar. Namun dengan adanya program ini kita dapat mengetahui lebih dekat peranan dimainkan KDEBWM," katanya yang berasal dari Semenanjung.

Penuntut Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah itu memaklumkan, inisiatif itu menjadikan penuntut lebih peka dan bertanggungjawab terutama dalam pengasingan sisa di asrama.

"Selepas program ini, saya mahu praktikkan amalan seperti asingkan sampah plastik, kertas dan sisa makanan di bilik," tambahnya.



RAMLI



MOHAMAD FAUZAN



Penuntut berkumpul di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah untuk berbuka puasa secara berjemaah sempena program jaulah iftar Pelajar UIAM di Gombak pada Selasa.

SINAR HARIAN
13 MAR 2025

Tarikh:

Ramadan: Bulan melawan nafsu



DR ANIS YUSAF YUSOFF

Ramadan merupakan bulan yang penuh keberkatan, bulan untuk mendidik jiwa agar lebih sabar, bersyukur, dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri serta masyarakat.

Namun, setiap kali tiba bulan suci ini, sering kali kita melihat budaya pembaziran yang semakin menjadi-jadi, terutama dalam kalangan pengguna dan peniaga.

Setiap tahun, bazar Ramadan menjadi tumpuan utama rakyat Malaysia. Pelbagai juadah enak dijual, daripada kuih-muih tradisional hingga makanan moden yang menarik perhatian. Malangnya, dalam keghairahan membeli, ramai yang akhirnya berbelanja berlebihan.

Mengikut statistik, pembaziran makanan di Malaysia meningkat mendadak terutama ketika Ramadan. Data daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan lebih 20,000 tan makanan dibuang setiap hari pada bulan Ramadan, dengan sebahagiannya masih baik. Ini menunjukkan betapa seriusnya masalah pembaziran dalam kalangan masyarakat kita.

Di mana silap kita? Tidakkah agama Islam mendidik kita di bulan Ramadan ini

selain untuk melatih ketakwaan dengan menahan diri daripada lapar dan dahaga, ia juga melatih diri kita untuk bersabar dan mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara tidak baik. Di mana baiknya amalan yang membazir seperti ini?

Masyarakat sepatutnya perlu mengamalkan konsep kesederhanaan dalam berbelanja. Sebelum membeli, tanyalah diri sendiri, "Adakah ini keperluan atau sekadar kehendak?" Selain itu, amalan berkongsi makanan dengan jiran atau golongan yang memerlukan juga boleh mengurangkan pembaziran dan pada masa yang sama meningkatkan nilai kemasyarakatan.

Saya masih ingat ketika kecil di kampung dahulu, arwah ibu sering memasak hanya satu dua lauk lebih untuk dihantar ke rumah-rumah jiran tetangga. Jiran juga akan membalas hantaran lauk pauk dan kuih muih daripada kami dengan lauk pauk yang mereka masak. Hidangan terbuka kami sekeluarga berlipat kali ganda dan boleh dimakan sehingga ke waktu sahur. Tidak ada yang membazir.

Selain masalah pembaziran oleh pengguna, ada juga peniaga yang mengambil kesempatan atas peningkatan permintaan pada bulan Ramadan. Harga makanan yang dijual di bazar sering kali melambung tinggi, kadangkala tidak seimbang dengan kualiti yang diberikan. Ada yang mengurangkan saiz hidangan atau menggunakan bahan mentah berkualiti rendah tetapi tetap menjual pada harga premium.

Lebih menyedihkan, ada juga peniaga yang tidak jujur dalam penyediaan makanan, menyebabkan isu keselamatan makanan timbul. Kes keracunan makanan akibat makanan yang tidak bersih atau tidak disimpan dengan baik sering berlaku pada bulan Ramadan.

Para peniaga seharusnya menjadikan Ramadan sebagai bulan untuk mencari rezeki dengan penuh keberkatan, bukan sekadar mengejar keuntungan semata-mata. Kejujuran dalam perniagaan adalah satu bentuk ibadah yang boleh membawa keberkatan dalam kehidupan. Jika peniaga mengamalkan etika perniagaan baik, masyarakat akan lebih mempercayai mereka dan ini juga akan memberi manfaat jangka panjang kepada perniagaan mereka.

Sebagai umat Islam, kita dituntut untuk memperbanyakkan amal kebajikan pada bulan Ramadan. Selain berpuasa dan beribadah, kita juga perlu mengambil peluang ini untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Kerajaan, badan-badan masyarakat sivil (CSO), dan individu boleh memainkan peranan masing-masing dalam menjaga kebajikan rakyat. Beberapa inisiatif yang boleh dilakukan termasuk:

1. Program Agihan Makanan – Masyarakat boleh bergotong-royong menyediakan juadah terbuka untuk diberikan kepada golongan miskin, gelandangan, dan pekerja asing yang kurang berkemampuan.

2. Pihak berkuasa tempatan boleh

mengawal harga makanan agar lebih berpatutan dan mengelakkan eksploitasi ke atas pengguna.

3. Kempen Kesedaran Pengguna – Media dan CSO boleh menggalakkan masyarakat agar membeli secara berhemah dan mengelakkan pembaziran.

4. Derma dan Infaq – Amalan bersedekah, sama ada dalam bentuk wang, makanan, atau barangan keperluan, boleh meringankan beban golongan yang memerlukan.

Ramadan bukan sekadar bulan menahan lapar dan dahaga, tetapi juga bulan mendidik diri menjadi insan yang lebih bertanggungjawab. Jika semua pihak – pengguna, peniaga, dan pemerintah – memainkan peranan masing-masing dengan penuh integriti dan keinsafan, Ramadan dapat diraikan dengan lebih bermakna.

Marilah kita semua menjadikan Ramadan tahun ini sebagai bulan yang lebih berkat dengan mengamalkan sikap bersederhana, menjauhi pembaziran, dan memperbanyakkan kebajikan kepada masyarakat. Dengan itu, kita bukan sahaja mendapat ganjaran di akhirat, tetapi juga dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih prihatin dan harmoni.

** Datuk Dr Anis Yusaf Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.*

BERAK HARIAN
Tarikh: 13-MAR-2025

5 langkah tingkat jumlah wanita sebagai pembuat keputusan

12/3
B4

● Usaha lebih kritikal diperlukan untuk memastikan wanita muda tidak lagi terpinggir untuk muncul sebagai pemimpin masa hadapan

● Dengan dapatan skor jurang gender paling rendah dalam sektor politik, usaha meningkatkan pembabitatan wanita dalam politik harus bersasar dan berstrategik



Timbalan Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Oleh Prof Dr Kartini Abou Talib
bhrencana@bh.com.my

Tangan menghayun buaian bisa menggoncang dunia. Peribahasa ini lazimnya memuji kekuatan wanita luar biasa. Walaupun wanita hanya menghayun buaian, mereka melentur dan membentuk peribadi seorang manusia.

Daripada wanita, lahirnya pemimpin dan daripada wanita, syurga indah berada di telapak kaki menunggu restunya.

Dalamnya makna kekuatan wanita bukan diukur melalui sosok fizikal sasa, tetapi ketabahan hati dan kecekalan jiwa mendepani cabaran dengan senyuman di wajah.

Dasar Wanita Negara sudah lebih tiga dekad dilaksanakan sejak 1989, namun ia masih meninggalkan tanda tanya kepada negara, adakah kita perlu menunggu hingga 'kucing bertanduk' untuk berdiri sama tinggi dengan negara maju yang membuka peluang dan ruang luas buat golongan hawa?

Pengukuhan berterusan agenda wanita di peringkat Persekutuan dan negeri bukan bersifat 'adendum tertutup', tetapi boleh dipacu dengan lebih cakna menerusi Kursi Perpaduan Tun Dr Ismail yang disandang di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ia boleh dijadikan pembuka jalan utuh untuk mencipta inovasi kajian dan latihan kepimpinan wanita dalam perpaduan agar lebih tekak, cekal dan pragmatik.

Ini seiring sokongan Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang sentiasa peka dan prihatin terhadap wanita serta pembangunan di negara ini.

Gandingan raja dengan rakyat sudah pasti dapat mengorak langkah lebih jauh untuk memantapkan agenda pemerkasaan wanita.

Menilai kekuatan wanita masih dilihat belum cukup. Mengukur peratusan wanita dalam kepimpinan politik, negara masih belum mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus partisipasi.

Negara dan kepimpinan wanita seolah-olah tepu berhadapan cabaran untuk menginjak naik.

Seandai lensa ukuran hanya terikat kepada peratusan partisipasi wanita dalam politik, maka berlaku kejulungan dalam memberi pengiktirafan terhadap keberadaan sumbangan wanita dalam pelbagai sektor yang dipandang sepi.

Hakikatnya, wanita sebagai tulang belakang, melaksanakan peranan penting untuk memastikan bangsa dan negara boleh berdiri tegak, tanpa perlu menonjolkan diri sebagai wirawati.

Merujuk statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2023, indeks jurang gender di negara ini antara wanita dengan lelaki, merentasi empat sektor, iaitu partisipasi dalam ekonomi dan peluang, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan serta pemerkasaan politik, secara keseluruhan berada pada tahap skor 0.705 (70.5 peratus) dengan nilai 1.00 (100 peratus) menunjukkan kesaksamaan gender dicapai sepenuhnya.

Dalam keempat-empat sektor ini, pencapaian wanita dalam bidang pendidikan melepasi lelaki dengan skor 1.00 (100 peratus). Bagi sektor kesihatan dan kehidupan, skor diperoleh 0.956 (95.6

peratus), diikuti partisipasi ekonomi dengan skor 0.698 (69.8 peratus).

Sektor politik catat skor paling rendah

Pemerkasaan politik mencatatkan skor paling rendah, iaitu 0.096 yang secara jelas menonjolkan pembabitatan wanita masih lemah dan terpinggir.

Selari dengan kebanyakan kajian mengenai wanita, sifat dan sumbangan besar golongan itu sangat terkait dengan pendidikan.

Wanita sebagai ibu, guru dan pendidik sentiasa berkorban masa serta tenaga untuk mendidik generasi muda menjadi warga berhemah dan berperibadi.

Begitu juga pembabitatan dalam ekonomi, wanita terbukti gagah dan gigih menjadi usahawan berjaya. Dokongan kerajaan berupa nasihat profesional, bantuan teknikal, pasaran dan modal.

“Hakikatnya, wanita sebagai tulang belakang, melaksanakan peranan penting untuk memastikan bangsa dan negara boleh berdiri tegak, tanpa perlu menonjolkan diri sebagai wirawati”

Modal diberikan melalui Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA); Skim TemanNita oleh TEKUN Nasional; Program Pembangunan Usahawan Mikro (BizME) oleh SME Corp Malaysia; Skim Pembiayaan Keusahawanan Francois Wanita (SWEET) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB); Skim Pembiayaan Mikro oleh Amanah Ikhtiar dan pelbagai skim pembangunan wanita di peringkat negeri turut disediakan.

Negara tidak haus dengan kesediaan memberikan bantuan memperkasa pembabitatan wanita dalam ekonomi agar pendapatan dan kuasa pasaran mereka terus mengukuh.

Dengan dapatan skor jurang gender paling rendah dalam sektor politik berbanding tiga sektor lain, usaha meningkatkan pembabitatan wanita dalam politik harus bersasar dan berstrategik.

Beberapa cadangan ringkas boleh dipertimbangkan untuk dipasakkan di bahu Kursi Perpaduan Tun Dr Ismail KITA-UKM.

Pertama, menambah kuota berasaskan gender dalam parti politik dan badan legislatif bagi memastikan perwakilan wanita mencukupi.

Kedua, mewujudkan program pembangunan latihan kepimpinan untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan memimpin negara serta masyarakat.

Ketiga, mengurus halangan sosial dan budaya yang membatasi pembabitatan wanita dalam politik dengan mengubah persepsi sosial dan berkempen menggalakkan masyarakat menyokong wanita dalam politik.

Keempat, menyediakan sumber dan sokongan kewangan adil untuk wanita bertanding. Parti politik boleh menubuhkan dana khusus untuk

menyokong calon pemimpin wanita.

Kelima, menonjolkan wanita sebagai pemimpin berwibawa dengan meningkatkan kesedaran terhadap kelebihan memberi peluang dan ruang kepada pemimpin wanita mengarusperdanakan suara mereka dalam pembentukan dasar serta keputusan negara.

Meningkatkan partisipasi wanita dalam politik mempunyai kaitan erat dengan perpaduan masyarakat.

Pertama, peningkatan penyertaan dan pembabitatan wanita dalam politik membolehkan suara mereka didengari dan membantu menghasilkan dasar lebih komprehensif dan inklusif.

Ini kerana apabila wanita turut serta dalam membuat keputusan, mereka mewakili keseimbangan dan kepelbagaian dalam masyarakat.

Kedua, membabitkan wanita dalam politik membolehkan pandangan unik mereka dengan sifat keprihatinan berbeza berbanding lelaki terutama dalam isu pendidikan, kesihatan, kesejahteraan keluarga dan hak asasi.

Ia berupaya membina dasar lebih adil serta seimbang dan kelebihan ini menyumbang kepada keharmonian sosial serta perpaduan dalam masyarakat.

Ketiga, kepemimpinan yang pelbagai dengan penyertaan gender seimbang mencerminkan keterbukaan dan kerjasama pelbagai, sedia dilaksanakan dengan merapatkan jurang gender, etnik serta kelas sosial.

Keempat, penyertaan gender seimbang dengan pemberat diberi kepada partisipasi wanita, secara tidak langsung menunjukkan masyarakat menghargai dan menghormati hak serta keupayaan wanita.

Pengiktirafan terhadap keberadaan wanita dalam ruang awam adalah wajar, sekali gus meningkatkan perpaduan sosial dengan sikap toleransi tinggi.

Ini kerana sejarah pada setiap sudut dunia lazimnya membabitkan peminggiran, penderaan dan diskriminasi terhadap wanita.

Pengiktirafan keberadaan wanita dalam ruang awam adalah ketamadunan menonjolkan sisi agung masyarakat menghormati dan menghargai wanita.

Kelima, pembabitatan wanita dalam proses membuat keputusan juga mengisi makna lebih praktikal untuk kesejahteraan dan perpaduan masyarakat dengan sifat semulajadi wanita sebagai penjaga dan pengurus rumah tangga.

Ia juga memberi contoh amat baik kepada generasi muda, terutama wanita muda yang percaya mereka boleh membuat perubahan dalam masyarakat.

Statistik Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) memaparkan jumlah pengundi wanita 18 tahun menghampiri sejuta orang. Usaha lebih kritikal diperlukan untuk memastikan wanita muda tidak lagi terpinggir untuk muncul sebagai pemimpin masa depan.

Pemimpin masa depan sebaris dengan Perdana Menteri Finland, Sanna Marin; bekas Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Ardern; Perdana Menteri Denmark, Mette Frederiksen; Perdana Menteri Estonia, Kaja Kallas dan Ahli Kongres Amerika Syarikat, Alexandria Ocasio-Cortez.

DBKL sita tiga perniagaan dikendalikan warga asing

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan tiga sitaan terhadap perniagaan yang dikendalikan warga asing dalam operasi penguatkuasaan di Pasar Borong Kuala Lumpur dan sekitar Pusat Bandar Utara.

DBKL dalam kenyataan berkata, operasi Isnin lalu dilaksanakan untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan penjajaan di ibu kota mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan dan Penjajaan (WPKL) 2016.

“Hasil operasi yang dijalankan, sebanyak tiga tindakan sita dikenakan ke atas penjaja tanpa lesen, di mana semua perniagaan terbabit adalah kendalian bukan warganegara.

“Semua barangan yang disita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, di sini untuk tujuan rekod dan



Anggota penguat kuasa DBKL menyita barang perniagaan warga asing dalam operasi di Pasar Borong Kuala Lumpur dan sekitar Pusat Bandar Utara.

(Gambar ihsan FB DBKL)

dokumentasi,” katanya dalam kenyataan di Facebook, malam kelmarin.

Katanya, DBKL akan meneruskan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan secara berterusan bagi me-

mastikan kawasan terbabit bebas daripada aktiviti penjajaan tanpa lesen.

“Orang ramai boleh menyalurkan maklumat menerusi adukl.dbkl.gov.my,” katanya.

Isu jurang gaji berdasarkan jantina belum ada penyelesaian

Wanita perlu sokong pemimpin politik, pembuat dasar perjuangkan kesaksamaan

Oleh Mahani Ishak
rencana@bh.com.my

Jurang gaji berdasarkan jantina belum ditangani dalam undang-undang, walaupun wanita di Malaysia semakin maju dalam bidang pendidikan dan kepimpinan, menurut Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia, K Rajeswari.

Beliau berkata, kerajaan belum mempunyai undang-undang khusus yang mewajibkan gaji setara bagi profesion sama dalam sektor swasta.

Katanya, bagaimanapun senario itu lebih baik dalam sektor ke-

rajaan, berikutan terdapat gerakan wanita sekitar 1960-an berjuang untuk menuntut gaji sama seperti diperolehi kakitangan lelaki.

"Sebagai contoh, sejak 1960-an Kesatuan Guru-Guru Wanita yang diketuai FR Bhupalan (pejuang kebebasan dan aktivis sosial) menggesa kerajaan membayar gaji sama diperolehi kakitangan lelaki.

"Sebaris dengannya, ramai wanita lain turut bersuara, berjuang dan akhirnya berjaya dalam rundingan mereka dengan perjuangan terus dinikmati hingga hari ini yang bermula sejak 50 hingga 60 tahun lalu.

"Justeru, kerajaan perlu melakukan perubahan sama," katanya.

Sokong kerajaan bela wanita

Beliau turut menyeru wanita untuk menyokong pemimpin politik dan pembuat dasar yang memperjuangkan kesaksamaan terhadap wanita.

Rajeswari adalah antara ahli panel yang berucap pada Majlis Makan Tengah Hari sempena Hari Wanita Antarabangsa di Dataran

Kelab Diraja Selangor (RSC Dataran) di ibu negara, baru-baru ini.

Tiga lagi ahli panel yang berucap adalah Timbalan Ketua Kewartan Republik Croatia, Ljiljana Vinkovic, Presiden Corporate Secretaries International Association Limited (CSIA) dan Ahli Majlis Chartered Governance Institute United Kingdom, Datuk Susceela Menon dan Eksekutif Kepemimpinan, Latihan dan Strategi Pemasaran, N Vasanthe.

Menurut Rajeswari, Malaysia berada di kedudukan 100 daripada 146 negara dalam kesamarataan

gender yang boleh digambarkan sebagai keadaan berada di tengah-tengah barisan panjang di pejabat imigresen.

"Jelas ia bukan kedudukan paling teruk, tetapi pastinya bukan tempat yang anda mahu berada.

"Wanita di negara ini membentuk 60 hingga 65 peratus graduan universiti dan mengatasi bilangan graduan lelaki dalam bidang seperti perubatan, undang-undang dan sains sosial.

"Namun, ironinya wanita terlahu berkelayakan hingga lelaki dengan kelayakan lebih rendah ma-

sih mendapat pekerjaan dan gaji lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, bagaimanapun kepemimpinan wanita sedang menunjukkan kemajuan dengan wanita kini dilantik kira-kira 20 hingga 25 peratus mengisi jawatan dalam syarikat di negara.

"Jumlah itu meningkat jika dibandingkan dasar sifar dalam tempoh beberapa dekad lalu," katanya.

Sementara itu, Vinkovic berkata, satu daripada cabaran terbesar bagi wartawan lelaki dan wanita ialah menentang budaya stereotaip dalam kerja seharian.

"Memetik laporan Projek Pemantauan Media Global, tinjauan global yang dijalankan setiap lima tahun, mendapati 57 peratus daripada semua penyampai berita televisyen adalah wanita, tetapi hanya 29 peratus berita ditulis wartawan wanita.

"Daripada jumlah itu, hanya 32 peratus *hard news* ditulis atau disediakan wanita, kebanyakannya dalam segmen *soft news*," katanya.

Kerajaan masih belum mempunyai undang-undang khusus yang mewajibkan gaji setara bagi profesion sama dalam sektor swasta

K Rajeswari,
Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia





Yee says the bungalow on Jalan Jinjang has been left neglected for the past decade.

Abandoned Jinjang bungalow can be Nadi centre, says activist

AN ABANDONED bungalow in Jinjang, which was once occupied by the Gombak District Office, should be spruced up and put to good use, says a community activist.

Yee Poh Ping suggested the building, located at Jalan Jinjang in Jinjang North, be turned into a National Information Dissemination Centre (Nadi).

The compound of the bungalow, which is overgrown with fallen trees and choked with weeds, suffered from lack of maintenance, he said.

"This bungalow has been around for over 50 years, but in the past 10 years, it has been locked and neglected.

"In the past, the district officer and assistant district officers used to live here in Jinjang.

"Now, they have moved to new premises, located near the Gombak Land Office," said Yee.

"No one is maintaining this

place. The bungalow is located strategically, next to Pos Jinjang and the Fire and Rescue Station Jinjang.

"This land could be put to good use," he added.

Yee said there was currently a Nadi centre at Block C of People's Housing Programme (PPR) Pekan Kepong.

However, the space at the centre was small and limited.

He called on the authorities to clear the bungalow lot and convert it into a proper Nadi centre.

"The Nadi centre is valuable to the community. I urge the Communications Ministry to consider this suggestion," Yee added.

Nadi, an initiative under the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), plays a key role in the country's public communication strategy, focusing on the dissemination of government information to the public. — By SHEILA SRI PRIYA

By JAROD LIM
jarodlim@thestar.com.my

CITY residents are disappointed over the dismissal of the judicial review to challenge the gazetting of the Kuala Lumpur City Plan 2020 (KLCP 2020).

They said the decision by the Kuala Lumpur High Court ignored the importance of public participation in urban planning for the city.

Save Kuala Lumpur, a residents-based coalition advocating for effective city planning, said the gazetted plan had numerous changes compared to the draft KLCP 2020 that was put on display in 2008.

Its chairman Datuk M Ali said the amendments that differed from the original draft plan proved that the whole city plan was flawed.

"Due consideration must be given to public feedback for any modifications made to the plan.

Setback for KL residents in city plan challenge

They mull over appeal, saying zoning altered without public hearing



Some of the applicants, including Ahmad Khairudin (second, right) speaking to their counsel outside the court room after their judicial review was dismissed. — ART CHEN/The Star

dums that were not in the original draft from 2008.

After the ruling, the applicants' lead counsel Datuk Dr Gurdial Singh Nijar told *StarMetro* outside the court that they would consider appealing the case.

The applicants have 30 days to

file for an appeal.

Meanwhile, Kuala Lumpur Residents Action for Sustainable Development Association (KLRA+SD) chairman Tan Booi Charn emphasised that KLCP 2020 was gazetted with the changes in zoning and density, without going through

public hearing.

"We would like to emphasise that public participation is crucial in urban planning and this is provided in the law.

"There are many good solutions to balance between the economy and a sustainable environment," she said

when contacted by *StarMetro*.

The KLCP is designed to ensure the city's proper and systematic development.

Initially drafted in 1998 and finalised in 2012, the KLCP 2020 was gazetted only in 2018.

The plan included at least 273 items involving increased plot ratios and density, as well as land-use changes, which bypassed public hearings.

It was previously reported that certain quarters were against the KLCP 2020 being gazetted as it would legitimise prior violations.

According to the Auditor-General's Report 2019 Series 2, land use zones involving areas in the capital in 2018 were not in line with the KLCP 2020, partly due to the long delay in gazetting the plan.

Taman Tun Dr Ismail (TTDI) resident Ahmad Khairudin Abdul Rahim, who is one of the applicants to the suit, said although disappointed, he would wait for the grounds of judgment.

"We will likely appeal the decision, but first, we need to seek the agreement of the others on the matter," he said.

COMPOUND REDUCTION

Kuala Langat Municipal Council (MPKL) is holding a Parking Compound Reduction Campaign until March 30. The offer involves fines as low as RM15 for all parking-related offences committed in 2024 and earlier. For details, contact the Traffic Warden Unit, MPKL Enforcement Department at 03-3181 1809/012-300 4897 (WhatsApp).

FOOD WASTAGE

To reduce food wastage at Ramadan bazaars and minimise food waste sent to landfills, Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is implementing the MYSaveFood Programme. The initiative in collaboration with Gema Malaysia will involve three locations – Pandan Indah Municipal Field Ramadan Bazaar, Bandar Baru Ampang Ramadan Bazaar and Muhibbah Complex Taman Nirwana Ramadan Bazaar. The programme will end on March 20.

BAZAAR RELOCATION

The Ramadan Bazaar at Crystal AS7/AS carpark in Shah Alam has moved to the Plumbum P7/P carpark (behind Selaman Bizpark).

NEW MARKET SITE

Lorong Tuanku Abdul Rahman night market which operates every Saturday has been relocated to Jalan Tuanku Abdul Rahman (from the Jalan Esfahan junction to Jalan Melayu junction) throughout Ramadan. A portion of Jalan Tuanku Abdul Rahman will be closed on Saturdays (from noon to midnight) for the night market.

USED OIL COLLECTION

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) is organising a Used Cooking Oil Collection Contest which ends on March 28. It is open to Ramadan bazaar vendors, stall owners, restaurants as well as the public and MBPJ staff. Used oil will be purchased by MBPJ at RM2.50 each kg. For details, call the Department of Solid Waste Management and Public Cleaning at 03-7954 1440.

> Ipoh City Council (MBI) is collecting used cooking oil at Ramadan bazaars throughout the city. Collection is done every day except Sundays. For details and locations, WhatsApp 012-391 4113/ 016-576 9313 or visit www.green-energy.asia

OPEN DAY

Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT) open day is on March 15 and 16, 10am-5pm, at all TAR UMT campuses. For details, visit www.tarc.edu.my

THE other day while I was driving in slow-moving traffic to work, a question crossed my mind: "Should working mothers strive for a clear work-life balance, or is work-life integration the more practical approach, especially during the holy month of Ramadan?"

For many, work-life balance means drawing firm lines between professional and personal life. Working mothers attempt to dedicate quality time to family, faith, and self-care without letting work demands encroach on their personal time.

During Ramadan, this could involve requesting flexible working hours, taking strategic breaks for prayer and rest, and minimising work-related demands to conserve energy while fasting.

In Malaysia, many companies, government offices and family-friendly organisations offer shorter working hours during Ramadan.

But in industries with rigid schedules, such as healthcare and retail, this is not the case.

According to the 2023 Global Life-Work Balance Index, Malaysia ranks as the second worst country for work-life bal-

Set benchmark to support working women

ance among the 60 nations with the highest gross domestic product. This alarming statistic underscores the pressing need for improved workplace policies that better support employees, particularly working mothers who juggle multiple responsibilities.

Work-life integration, in contrast, removes the rigid separation between work and personal life, blending responsibilities into a more fluid routine.

Rather than adhering to fixed schedules, this approach allows working mothers to organise their day based on energy levels and immediate priorities. For example, a mother working remotely may schedule meetings in the morning when she feels most productive, and shift lighter tasks to the evening after Iftar.

Studies suggest that integration

fosters a more sustainable approach, particularly for women managing multiple roles.

In Malaysia where communal and family-oriented lifestyles are deeply ingrained, work-life integration is a practical solution for mothers who rely on support networks to navigate Ramadan while staying productive at work.

Neither approach is without its drawbacks, however. Work-life balance can feel rigid and unrealistic for those with unpredictable workloads, while work-life integration risks blurring boundaries, leading to burnout.

A hybrid approach, where flexible work schedules, remote work options, and strong support systems coexist, may offer the best solution.

Employers who recognise the added demands of Ramadan and

adjust expectations accordingly will see more engaged and productive employees.

A hybrid approach combining both work-life balance and integration may be the most practical solution for working mothers in Malaysia.

Some strategies could include:

- **Flexible work hours:** Employers can allow employees to start earlier or finish later to accommodate prayer and fasting schedules.

- **Remote work opportunities:** Allowing employees to work from home reduces commuting time and enables mothers to manage their responsibilities more effectively.

